

Malaysia sedia mula projek gas

15 JUL 2002

Daripada Manja Ismail

MALAYSIA yang sekali lagi menerima jaminan dan komitmen Thailand berhubung projek pembinaan saluran gas di Kawasan Pembangunan Bersama (JDA), sedia memulakan dengan segera projek berharga AS\$1.5 bilion (RM5.7 bilion) yang sudah lama tertangguh itu.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, dalam pertemuan empat matanya dengan Perdana Menteri Thailand, Thaksin Shinawatra dan rundingan delegasi semalam, kerajaan Thailand memberi jaminan, tiada masalah keselamatan ketika pembinaan projek itu dilaksanakan.

"Kita agak lega dengan jaminan itu. Kita akan memula-

kan pembinaannya secepat mungkin kerana kita sudah lewat selama dua tahun. Semua peralatan untuk mengeluarkan gas sudah berada di pelantar.

"Apa yang perlu sekarang ialah memasang paipnya saja, di dasar laut dan di daratan," kata Perdana Menteri dalam sidang akhbar di akhir lawatan rasmi dua harinya ke Thailand, di Bangkok, semalam.

Projek usaha sama bagi menyalur dan memproses gas asli di kawasan JDA Malaysia, kira-kira 225 kilometer dari Songkhla yang dilancarkan pada Februari 2000 itu, akan membabitkan keluasan 7,250 kilometer persegi.

Usaha sama itu merangkumi Projek Saluran Gas dan Projek Pengasingan Gas

(GSP) Songkhla (GSP) bagi mengeluarkan gas cecair petroleum.

Pembinaan saluran paip itu sepatutnya bermula awal tahun lalu, tetapi ditangguhkan berikutan masalah ekonomi dunia serta bantahan penduduk dan kumpulan alam sekitar di kawasan berkenaan.

Projek itu kemudian tertangguh beberapa kali lagi kerana tidak mendapat kelulusan Penilaian Kesan Alam Sekitar (EIA) Thailand.

Kelulusan itu hanya diperpada Disember tahun lalu.

Dr Mahathir menjelaskan, kos projek itu pasti akan meningkat kerana selain Thailand mahu saluran paip dibina lima kilometer dari laluan asal, ia sudah ditangguhkan beberapa kali.

Mengenai bantahan terhadap projek itu, beliau berkata penduduk tempatan sebenarnya tidak ramai terbabit, tetapi orang dari kawasan lain terutama pertubuhan bukan kerajaan (NGO) yang banyak membantah.

Beliau kesal dengan keadaan itu kerana projek berkenaan akan membawa pembangunan ke Selatan Thailand dan turut memberi manfaat kepada penduduk, yang kebanyakannya masih lagi miskin.

Perdana Menteri memberikan contoh projek gas di Terengganu yang berjaya membantu meningkatkan taraf hidup rakyat negeri itu serta tempat lain di mana ada projek seumpamanya.

Beliau berkata, saluran gas ada di seluruh dunia, malah di Eropah ada projek baru

dilaksanakan tetapi tidak ada bantahan daripada sesiapa kerana mereka sedar pentingnya penggunaan gas yang dianggap mesra alam sekitar.

"Saya tidak faham kenapa NGO menentang projek itu. Jika saluran gas mengancam alam sekitar, tentu tidak ada paip gas di seluruh dunia. Kita boleh lihat ia ada di Eropah, Amerika Syarikat dan Amerika Latin tetapi kita diberitahu ia boleh memberi kesan.

"Malah, Malaysia mempunyai saluran gas dari Semenanjung ke Singapura. Ia tertanam dalam tanah dan tidak ada siapa menderitanya. Sebaliknya, projek pemasangan paip memberi sumber pendapatan kepada penduduk setempat," katanya.

Kepada soalan lain, Per-

dana Menteri berkata beliau akan menyokong hasrat Thailand untuk mengadakan Dialog Kerjasama Asia (ACD), forum yang mempunyai persamaan seperti dianjurkan Malaysia dengan Negara Afrika dan Carribean.

"Saya mulanya menyangka ACD adalah satu lagi kumpulan serantau tetapi saya kemudian diberitahu ia hanya satu dialog seperti yang kita adakan dengan negara Afrika dan Carribean. Saya menyokong penuh usaha itu," katanya.

Dalam sesi soal jawab di jamuan tengah hari dengan ahli perniagaan Thailand semalam, beliau berkata usaha harus ditumpukan bagi memastikan keberkesanan kerjasama Asean sebelum menubuhkan kumpulan lain seperti ACD.